

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

→ **INTERAKTIF**



(FOTO HIASAN)

Fakta nombor

15 PERATUS

kemampuan pertumbuhan perbankan Islam setahun

Sistem kewangan Islam berdaya tahan tinggi dan mempunyai pelan dan dana jangka panjang.

Kewangan Islam bantu pulih ekonomi dunia

Krisis kewangan kapitalis global yang bertunjangkan mekanisme riba, tekanan faedah berganda hingga membawa penindasan kini memberi masalah kepada sektor perbankan dan ekonomi Amerika Syarikat (AS), Eropah dan beberapa negara lain. Malah, usaha pemulihannya masih buntu dan belum ada tanda ekonomi beransur pulih.

Sehubungan itu, keadaan berkenaan membuka mata masyarakat dunia kepada potensi sebenar, survival dan kejayaan sistem kewangan Islam yang dilaksanakan di Malaysia dan beberapa negara Islam di seluruh dunia dalam menangani krisis ekonomi.

Inilah masa dan medan terbaik

bagi negara Islam memperkukuhkan struktur dan produk kewangan Islam mereka serta mengengahkannya kepada dunia sebagai pilihan utama kaedah pemulihan ekonomi global.

Kemampuan sistem perbankan Islam tumbuh 15 peratus setahun mencerminkan ia bakal menjadi peneraju pasaran kewangan antarabangsa dengan cirinya tersendiri melawan arus deras institusi riba kapitalis.

Amalan perkongsian keuntungan

Sistem kewangan Islam bersifat kurang risiko dan lebih kepada amalan perkongsian keuntungan di samping mampu melindungi sistem kewangan itu daripada krisis

kewangan global seperti sekarang.

Hakikatnya, institusi kapitalis riba global sedang menuju kemelasetan dan pendokongnya bakal berdepan gelombang kemufflisan terbesar dalam sejarah yang membuka peluang kepada sistem kewangan Islam diterjemahkan kepada masyarakat dunia keseluruhannya.

Islam sangat mementingkan kesejahteraan umat dan memerangi segala bentuk sistem atau struktur berteraskan riba yang memudaratkan kehidupan manusia.

Firman Allah, bermaksud: "Wahai orang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkan saki baki riba jika kamu benar-benar beriman, sekiranya kamu tidak meninggalkannya, isytiharlah perang

dengan Allah dan Rasul-Nya." (Al-Baqarah: 278-279).

Oleh itu, krisis dihadapi AS dan Eropah kini membuktikan sistem konvensional semasa berteraskan riba mempunyai banyak kelemahan dan ketidakseimbangan berbanding sistem kewangan Islam yang bebas riba.

Berdaya tahan tinggi

Ia dilihat semakin kukuh dan mampu bertahan dalam apa jua keadaan ketika dunia bergelut zaman meleset dan pergerakan ekonomi perlahan serta tidak berdaya saing, dijangka bakal mempengaruhi banyak negara di seluruh dunia, termasuk negara maju.

Ramai sarjana mengakui kesan positif krisis ekonomi dunia kini

kepada sistem kewangan Islam yang berdaya tahan tinggi serta mempunyai pelan dan dana jangka panjang seperti institusi zakat, wakaf, baitulmal, sedekah, hibah dan sebagainya di samping inovasi dalam produk ekonomi Islam.

Malah, ini menjadi petunjuk kepada institusi kewangan dan perbankan konvensional supaya mencontohi sistem perbankan Islam berdasarkan keupayaannya yang terbukti berjaya.

Nur Faizah Mohd Zainuddin,
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)